

10/09/1999

`Pihak asing ubah pendirian'

BANGI, Khamis - Dunia kini mula membuka mata dan mengiktiraf langkah menongkah arus Malaysia untuk membebaskan diri daripada belunggu kegawatan apabila terbukti kawalan modal yang diperkenalkan lebih setahun lalu, berkesan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pihak asing termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang selama ini mengecam hebat dasar kawalan modal secara berpilih itu, kini sudah mengubah pendirian mereka dan memuji Malaysia.

"Alhamdulillah...dia (IMF) puji. Dulu banyak orang kata, kita bodoh, tak tahu ekonomi. Sekarang ini nampak orang dah tukar fikiran," katanya kepada pemberita selepas majlis perhimpunan "Mahasiswa bersama Perdana Menteri" di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan terbaru IMF yang memuji Malaysia kerana berjaya meningkatkan semula ekonomi negara melalui pelaksanaan kawalan modal dan penetapan nilai ringgit bagi menangani masalah dalam sektor kewangan serta korporat.

Laporan berkenaan terkandung dalam penilaian tahunan Lembaga Eksekutif badan kewangan dunia itu. Laporan itu antara lain menyebut pengarah eksekutif IMF meyokong pelaksanaan dasar pengembangan yang dilaksanakan Malaysia kerana ia dapat menggerakkan semula pertumbuhan ekonomi, terutama dengan ketiadaan tekanan inflasi.

Ini adalah kali pertama secara rasmi IMF memuji dasar kawalan modal itu, di sebalik kecaman hebatnya terhadap langkah itu sebelum ini.

Ditanya adakah negara lain boleh mengikut langkah Malaysia itu, Dr Mahathir berkata apa yang dilakukan itu tidak semudah untuk dicontohi kerana negara ini mempunyai kekuatan tersendiri.

"Hendak ikut contoh Malaysia tak mudah kerana kita mempunyai kekuatan dalaman (dalam negara). Kita mempunyai rizab, kita mempunyai dagangan yang baik. Sebab itu kita boleh ambil tindakan tersendiri.

"Kalau orang lain tiru begitu sahaja, saya bimbang mungkin mereka akan menghadapi masalah," katanya.

Mengenai kadar penambatan ringgit RM3.80 kepada satu dolar Amerika yang dikatakan berada di bawah nilai sebenar, Dr Mahathir berkata ia tidak sama sekali buruk bagi negara ini.

"Satu perkara sahaja ialah bahawa kos import akan menjadi lebih tinggi tetapi kita mengeluarkan lebih banyak untuk eksport. Maka kita akan menjadi lebih kompetitif kerana ringgit murah," katanya.

Mengenai saranan bahawa ringgit yang dinilai rendah akan menyebabkan inflasi, beliau berkata Malaysia sudah dapat mengawal inflasi, malah Malaysia adalah salah satu daripada segelintir negara di dunia yang mempunyai kawalan harga.

"Apabila tiada peperangan atau darurat, harga barang-barang perlu sentiasa diawasi supaya bakal pencari untung tidak dapat menaikkan harga," katanya.

(END)